




LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 28 JULAI 2023

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4.	BEKALAN MAKANAN CUKUP TAMPUNG KEPERLUAN DOMESTIK, NEGARA, KOSMO -16 TUMPU TAMBAH BAIK SSL, KETERJAMINAN MAKANAN, NASIONAL, BH -6 MODENKAN PERTANIAN, KURANGKAN IMPORT, NASIONAL, BH -6 BEKALAN MAKANAN DIYAKINI MENCUKUPI, NASIONAL, BH -6	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
5. 6. 7.	TANAH PERTANIAN MASIH TERBIAR SELEPAS TRAGEDI KEPALA AIR, BANJIR, DALAM NEGERI, UM -31 'KAMI SUDAH TAK MAHU BERHARAP LAGI', NEGARA, KOSMO -14 AI MAMPU ATASI MASALAH SEKURITI MAKANAN, FORUM , UM -19	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
8.	PENANTIAN NELAYAN DAPAT LESEN BERAKHIR, NEGARA, KOSMO -18	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)



PELBAGAI bantuan digerakkan kepada golongan sasar dalam usaha meningkatkan sektor agromakanan. - GAMBAR HIASAN

Bekalan makanan cukup tampung keperluan domestik

KUALA LUMPUR - Tahap ke-terjaminan makanan di Malaysia masih stabil dengan segala usaha diambil termasuk memberi pelbagai bantuan kepada golongan sasar bagi meningkatkan sektor agromakanan.

Menteri Pertanian dan Ke-terjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, berdasarkan trend pengeluaran dan import semasa, pihaknya yakin bekalan makanan dalam negara mencukupi bagi menampung keperluan domestik.

"Prestasi Malaysia dalam Indeks Sekuriti Makanan Dunia (GFSD) bagi tahun lalu menunjukkan Malaysia di tangga ke-41 daripada 113 negara dengan mencatatkan prestasi sederhana iaitu skor sebanyak 69.9.

"Berdasarkan ranking, Malay-

sia berada di kedudukan kelapan dalam kalangan negara Asia Pasifik, manakala berada di tangga kedua selepas Singapura dalam kalangan negara Asia Tenggara," katanya pada Ministerial Forum Mengenai Keterjaminan Makanan Negara 2023 di sini semalam.

Mohamad berkata, Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO) menggariskan empat dimensi sekuriti makanan iaitu ketersediaan makanan, aksesibiliti, keselamatan dan pemakanan serta kestabilan dan kemampanan.

Ujarnya, empat dimensi tersebut menjadi kayu ukur kepada kementeriannya dalam memastikan keterjaminan makanan negara mampu bertahan dalam jangka masa panjang.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/7/2023	BERITA HARIAN	NASIONAL	6

Modernenkan pertanian, kurangkan import

Permodenan sektor pertanian negara antara langkah terbaik bagi meningkatkan pengeluaran seterusnya membantu mengurangkan kebergantungan mengimport bekalan makanan.

Presiden Persatuan Pekebun Melayu Cameron Highlands, Datuk Syed Abd Rahman Syed Abdul Rashid, berkata pada masa ini nilai import bekalan makanan negara mencecah RM70 bilion setahun.

Justeru, pengumuman inisiatif RM200 juta di bawah kemudahan pembiayaan Agrobank khususnya bagi aplikasi teknologi moden untuk pertanian yang diumumkan Perdana Menteri hari ini, dilihat satu langkah bijak.

"Jumlah RM70 bilion itu amat tinggi. Namun, apa yang lebih membimbangkan adalah kemungkinan ada negara tidak mahu lagi mengeksport makanan kepada kita.

"Sebagai contoh, India yang sudah umumkan mungkin tidak mengeksport beras kepada negara luar pada masa terdekat. Ini akan jadi masalah besar bagi negara," katanya kepada BH, semalam.

Mengulas inisiatif RM200 juta di bawah Agrobank itu, Syed Abd Rahman berkata, negara wajar mengurangkan kebergantungan kepada import makanan, sebaliknya fokus meningkatkan pengeluaran dalam negara.

"Pengeluaran makanan negara perlu ditingkatkan dan kita harus kurangkan import dan itu boleh dilakukan dengan dua cara iaitu tambah kawasan tanaman (pertanian) dan tingkatkan pengeluaran sedia ada," katanya.

Beliau juga berharap sistem permohonan bagi mendapatkan manfaat inisiatif daripada Agrobank itu wajar dipermudahkan melalui tapisan yang wajar dan adil serta tiada birokrasi.

Pengeluaran makanan negara perlu ditingkatkan dan kita harus kurangkan import



Syed Abd Rahman Syed Abdul Rashid, Presiden Persatuan Pekebun Melayu Cameron Highlands

Tumpu tambah baik SSL, keterjaminan makanan

Tambah keluasan tanaman, aplikasi teknologi moden pertanian antara inisiatif dilaksana

Kuala Lumpur: Tumpuan akan diberi terhadap usaha menambah baik Tahap Sara Diri (SSL) dan meningkatkan keterjaminan makanan.

Inisiatif itu termasuk menambah keluasan tanaman dengan mengoptimalkan penggunaan tanah perladangan sedia ada, sekali gus meningkatkan daya tahan sektor agromakanan melalui aplikasi teknologi pertanian bagi menambah produktiviti untuk manfaat petani kecil.

Ia termasuk pendekatan pertanian regeneratif, tanaman berdaya tahan iklim serta penggunaan teknologi kecerdasan buatan (AI).

Bagi menyediakan sokongan kepada industri makanan tempatan untuk meningkatkan pengeluaran, sejumlah RM200 juta disediakan menerusi Agrobank untuk membantu menyediakan kemudahan pembiayaan khususnya bagi aplikasi teknologi mo-



Penggunaan teknologi moden dalam pertanian meningkatkan produktiviti pengeluaran.

(Foto hiasan)

den pertanian.

Tambah baik infrastruktur

Sebelum ini, kerajaan mengumumkan komitmen menambah baik infrastruktur pengairan kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) di Kedah

dan Perlis bagi meningkatkan produktiviti pengeluaran kepada lima musim dalam tempoh dua tahun, membabitkan prasarana bernilai RM3 bilion.

Setakat ini, sejumlah 5.7 juta hektar tanah digunakan bagi tanaman kelapa sawit dan hampir

dua juta hektar lagi bagi tanaman getah.

Selaras langkah ke arah itu, antara ikhtiarinya ialah mencipta aset biodiversiti dalam pasaran perdagangan karbon melalui usaha pemuliharaan dan pengtatanan semula.

Bekalan makanan diyakini mencukupi

Tahap keterjaminan makanan di Malaysia, masih stabil susulan pelbagai usaha kerajaan, termasuk penyaluran bantuan kepada golongan sasaran.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu, berkata bantuan berkenaan mampu membantu meningkatkan sektor agromakanan untuk memastikan bekalan makanan mencukupi.

"Berdasarkan trend pengeluaran dan import semasa, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) yakin bekalan makanan dalam negara mencukupi bagi menampung keperluan domestik," katanya.

Beliau berkata demikian ke-

tika berucap pada Forum Menteri Mengenal Keterjaminan Makanan Negara 2023 di Auditorium Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) di sini, semalam.

Forum itu memabitkan empat panel iaitu Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) KPKM, Datuk Badrul Hisham Mohd; Felo Penyelidik Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Datin Fatimah Mohamed Arshad; Pengerusi Johor Plantations Berhad, Tan Sri Dr Ismail Bakar; dan Pemilik Evergreen Livestock Sdn Bhd, Datuk



Mohamad Sabu

Yap Yun Fook.

Mohamad berkata, agenda keterjaminan makanan negara memerlukan pembabitkan semua pihak dalam membuat perancangan dan hala tuju pembangunan industri agromakanan negara.

"Semua pihak perlu komited dalam meningkatkan keterjaminan makanan di samping usaha mengurangkan kebergantungan terhadap import.

"Kerajaan mengharapkan cadangan dan tindakan lebih agresif dapat dirangka dalam menaikkan kapasiti pengeluaran

makanan," katanya.

Ketika ini, katanya, kebergantungan terhadap import makanan semakin meningkat dengan data menunjukkan RM63.5 bilion pada 2021 dan meningkat kepada RM75.5 bilion tahun lalu.

Mohamad berkata, sumber import masih diperlukan kerana sesetengah komoditi makanan tidak dapat dihasilkan secara domestik atas fakta atau kesesuaian iklim, tidak ekonomik, kekangan sumber tanah dan tenaga kerja.

"Kebergantungan tinggi terhadap import memberi cabaran berterusan kepada kementerian dalam mencapaiimbangan dagangan yang positif," katanya.

28/7/2023

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

31

Tanah pertanian masih terbiar selepas tragedi kepala air, banjir

Oleh NORLIA RAMLI
utusannews@mediamulia.com.my

BALING: Lebih setahun tragedi kepala air dan banjir lumpur di Kampung Bukit Iboi, di sini berlaku yang turut merosakkan tanaman serta tanah pertanian penduduk kampung, namun, didakwa tiada pihak yang tampil untuk membantu mereka sehingga kini.

Ketua Unit Peladang kawasan itu, Abdul Wahab Samah berkata, lebih 34 hektar tanah sawah tidak dapat dusahakan lagi oleh 18 peserta akibat mendapatkan tanah lumpur yang dihanyutkan oleh arus sungai sehingga menenggelamkan petak-petak sawah.

"Masalah petak sawah yang ditenggelami tanah merah ini sebenarnya bermula sejak 2019 lagi apabila air Sungai Iboi mulari kerana akibat projek tanaman Musang King dan projek Felcra di Gunung Inas.

"Jika sebelum ini, air sungai yang memasuki petak sawah



ABDUL WAHAB SAMAH menunjukkan kawasan sawah padi yang terbiar sehingga ditumbuhi semak samun ketika ditemui di Kampung Iboi, Kupang, Baling. - UTUSAN/NORLIA RAMLI

adalah jernih dan sedikit keruh apabila hujan, tetapi apabila berlaku beberapa projek tarahan bukit di Gunung Inas, air sungai mulai keruh dan penuh dengan lumpur yang merosakkan tanaman padi," katanya ketika dite-

mui semalam.

Menurutnya, 18 peserta yang bersama-sama mengerjakan sawah padi mengalami kerugian besar dan sejak itu mereka tidak lagi menanam padi sehingga menyebabkan tanah

sawah terbiar itu dipenuhi semak samun.

Ekoran itu, Abdul Wahab berkata, ramai petani termasuk dirinya beralih ke tanaman lain seperti pisang, jagung dan sebagainya untuk mencari rezeki,

tetapi malangnya keseluruhan tanaman itu turut musnah akibat banjir kepala air yang berlaku setahun lalu.

"Lebih setahun kami tidak dapat menjaga pendapatan sendiri melalui pertanian kerana kami memerlukan bantuan daripada agensi-agensi kerajaan yang terlibat untuk bangkit semula kerana kami bukanlah orang berduit.

"Sehingga sekarang, ada juga beberapa kali mereka datang untuk lihat dan berjanji untuk membantu, tetapi tiada apa-apa yang kami terima, semuanya sepi seribu bahasa sehingga kami sudah serik dan tidak mahu berharap lagi kerana kecewa," katanya.


Katanya, sebelum kejadian banjir itu, dia mampu meraih sehingga RM20,000 dalam tempoh enam bulan melalui tanaman jagung dan pisang di tanah sawahnya, tetapi ketika bencana itu melanda, kesemua hasil yang sedang dituai itu musnah sama sekali.

28/7/2023

KOSMO

NEGARA

14



ABDUL WAHAB menunjukkan kawasan sawah padi yang terblar hingga ditumbuhi semak samun di Kampung Iboi, Kupang, Baling baru-baru ini.



KEBUN getah milik Muhammad Kamal yang digenangi air dan lumpur tebal hingga merosakkan tanaman tersebut selepas peristiwa bencana kepala air setahun lalu.

Penduduk Iboi sedih petak sawah penuh semak samun, tidak terima bantuan

'Kami sudah tak mahu berharap lagi'

Oleh NORLIA RAMLI

BALING – Lebih setahun penstirwa bencana kepala air Kampung Bukit Iboi di sini berlaku dan merosakkan tanaman serta tanah pertanian penduduk kampung, namun tiada pihak bertanggungjawab yang tampil membantu.

Ketua Unit Peladang, Abdul Wahab Samah, 71, berkata, lebih 120 relong (kira-kira 35 hektar) tanah sawah tidak dapat ditanamkan 18 peserta akibat mendapatkan tanah lumpur yang dihanyutkan arus sungai hingga menenggelamkan petak-petak sawah.

"Masalah petak sawah yang ditenggelami tanah merah ini sejak 2019 apabila air Sungai Iboi mulai keruh akibat projek tanaman musang king dan projek lain di Gunung Inas.

"Sebelum itu, air sungai yang

masuk ke petak sawah adalah jernih dan sedikit keruh apabila hujan. Apabila berlaku beberapa projek tarahan bukit di Gunung Inas, air sungai mulai keruh, berlumpur memasuki petak sawah, ia akan merosakkan tanaman padi," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Ujarnya, 18 peserta yang sama-sama mengerjakan sawah itu mengalami kerugian dan sejak itu mereka tidak lagi menanam padi menyebabkan tanah sawah terbiar itu dipenuhi semak samun.

"Ramai peserta termasuk saya beralih ke tanaman lain seperti pisang, jagung dan sebagainya untuk mencari rezeki.

"Sebelum kejadian banjir, ta-

tempoh enam bulan. Kata Abdul Wahab, namun malangnya keseluruhan tanaman itu musnah sama sekali akibat banjir kepala air yang berlaku setahun lalu.

"Lebih setahun kami hilang pendapatan daripada pertanian, kami memerlukan bantuan daripada agensi-agensi kerajaan untuk bangkit semula kerana kami bukannya orang berduit.

"Sehingga kini, ada juga beberapa kali mereka datang untuk melihat dan ada juga yang berjanji untuk membantu, tetapi sehingga sekarang tiada apa-apa yang kami terima.

"Semuanya sepi seribu bahasa sehingga kami sudah serik dan tidak mahu berharap lagi kerana kecewa," katanya. Katanya, turut dirosakkan bencana kepala air itu termasuk

pagar keselamatan, alatan panir dan pagar elektrik turut dihanyutkan.

Sementara itu, Muhammad Kamal Taha, 37, berkata, tanaman getahnya musnah hampir keseluruhannya akibat ditenggelamkan banjir kepala air dan meninggalkan sisa pasir dan lumpur apabila surut.

"Puncanya kebun getah saya ini hanya berjarak 100 meter dengan Kuala Sungai BokBak dengan Sungai Iboi, ketika bencana itu, air sungai yang keruh telah masuk ke kawasan kebun dan menenggelamkan akar pokok getah rosak dan masam.

"Hampir semua pokok-pokok getah yang berusia lapan tahun itu rosak dan tidak boleh ditoreh lagi, yang tinggal hanya beberapa pokok yang ditanam agak tinggi

sikit di kawasan bukit," katanya. Katanya, mereka juga tidak menerima bantuan daripada mana-mana pihak, malah borang yang telah diisi sehingga ke hari ini masih tiada apa-apa jawapan. Sebelum bencana kepala air itu, bapanya, Taha Lahman, 78, dapat juga hasil torehan kira-kira RMI1,500 sebulan, tetapi sejak ditenggelami air sehingga kini mereka terputus pendapatan.

"Kami perlu tanam semula pokok-pokok getah itu dan bina semula sistem perparitan, ia akan mengambil masa panjang dan juga kos yang tinggi."

"Kami berharap pihak berwajib atau mana-mana agensi kerajaan yang terlibat dapat membantu kami untuk menanam semula tanaman getah ini agar tanahnya tidak terblar begitu sahaja," katanya.

AI mampu atasi masalah sekuriti makanan

SAUDARA PENGARANG.

BERDASARKAN Indeks Sekuriti Makanan Global (GFSI) 2022, Malaysia berada pada kedudukan 41 atau sederhana daripada 113 negara dengan mata 69.9 peratus.

Oleh itu, pelbagai inisiatif perlu dilakukan bagi meningkatkan jaminan sekuriti makanan negara termasuk memberi tumpuan pada sektor agromakanan.

Sekuriti makanan bermaksud semua orang pada setiap masa mempunyai akses fizikal dan ekonomi kepada makanan mencukupi, selamat dan berkhasiat yang memenuhi keperluan diet serta keutamaan untuk kehidupan aktif dan sihat.

Tahap sederhana dalam indeks terbabit berpunca kerana Malaysia mengimport sekitar 19.5 peratus (RM50.5 billion) daripada jumlah produk makanan di negara ini.

Pembangunan sektor agromakanan yang kini memberikan pekerjaan kepada lebih 16 peratus daripada tenaga buruh negara perlu terus diperkasakan bagi meningkatkan pendapatan golongan petani, penternak dan nelayan.

Dalam menghadapi kenaikan harga barang import dan kekurangan bekalan makanan dihasilkan dalam negara, kita perlu memperkasa sektor agromakanan dengan memanfaatkan teknologi kecerdasan buatan (AI).

Salah satu cara adalah penggunaan teknologi sensor di ladang bagi mengumpul data penting seperti kelembapan tanah, suhu, kepekatan nutrien dan kualiti udara.

Data ini kemudian dianalisis oleh AI untuk memberikan maklumat kepada petani mengenai masa sesuai untuk menyiram air dan membaja tanaman.

Selain itu, AI dapat mengenal pasti tanda-tanda awal serangan makhluk perosak atau penyakit dan memberikan maklumat cepat kepada petani.

Ini membolehkan petani mengambil tindakan pencegahan segera dan tepat, mengurangkan kerugian dan membendung penggunaan racun serangga berlebihan.

Penggunaan dron membolehkan petani menyebarkan baja dengan lebih cepat dan mudah tanpa perlu melibatkan banyak kos dan tenaga manusia.

Bagaimanapun, terdapat beberapa cabaran dalam melaksanakan teknologi AI dalam sektor pertanian. Pertama, terdapat kawasan pertanian yang masih belum mempunyai akses kepada komputer dan rangkaian internet.

Menurut Jabatan Pertanian, hanya 63.9 peratus petani mempunyai akses kepada komputer dan internet.

Di samping itu, kekurangan tenaga mahir dalam mengendalikan dron AI juga menjadi halangan.

Selain itu, aspek pembiayaan juga menjadi cabaran. Ini kerana teknologi AI dalam pertanian memerlukan pelaburan tinggi termasuk menyediakan peralatan dan infrastruktur sesuai.

PROF. MADYA DR. MD. FAUZI AHMAD
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)



TEKNOLOGI dron dengan kecerdasan buatan (AI) dapat membantu petani mengurus ladang dan sawah secara lebih berkesan.

Penantian nelayan dapat lesen berakhir

MERSING – Penantian dua tahun 75 orang nelayan di sini untuk memiliki lesen sampan akhirnya tercapai.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar negeri, Datuk Zahari Sarip berkata, kesemua nelayan itu dari empat pangkalan Mersing, Tanjung Leman, Penyabong dan Endau.

"Setelah program pemutihan lesen sampan dibuat oleh Jabatan Perikanan Negeri Johor pada 2021, sejumlah 657 lesen

sampan khas mendapat kelulusan dan 75 daripadanya diberi kepada nelayan di daerah ini.

"Saya percaya dengan adanya lesen ini, nelayan tidak lagi perlu berasa gusar ketika menangkap ikan di laut dan pada masa sama, kebajikan mereka lebih terjamin.

"Nelayan-nelayan kita adalah tulang belakang sektor perikanan dan penyerahan lesen sampan khas ini adalah satu langkah positif dalam memperkukuhkan industri perikanan di negeri ini," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyempurnakan Program Penyerahan Lesen Sampan Kepada Nelayan Daerah Mersing dan Penyerahan Kit Keselamatan Nelayan Kepada Ketua Jaringan Perikanan Mersing di sini semalam.

Zahari berkata, pertumbuhan sektor perikanan memerlukan perubahan cara perikanan tradisional kepada bercorak lebih komersial dan lestari dalam mendepani cabaran kekurangan sumber perikanan.



ZAHARI (enam dari kanan) bersama nelayan yang hadir Program Penyerahan Lesen Sampan Kepada Nelayan Daerah Mersing dan Penyerahan Kit Keselamatan Nelayan Kepada Ketua Jaringan Perikanan Mersing di Mersing semalam.